

Headline **Harga makanan kafe UPM berpatutan, yuran kekal**
Date **19. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **39**
Section **Nasional** Article Size **233** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**
AdValue



Harga makanan kafe UPM berpatutan, yuran kekal

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) ingin merujuk aduan Bapa Prihatin, Selangor di ruangan ini pada 16 Julai lalu bertajuk 'Nasi Lauk Ikan RM5 di Kafe UPM.' Menurut pengadu lagi, yuran kolej kediaman turut meningkat sebanyak RM200.

Siasatan kes 'Bapa Prihatin' kurang berkesan kerana aduan itu tidak terperinci seperti lokasi kafe dan nama kolej kediaman terbabit.

Bagaimanapun, siasatan awal UPM terhadap syarikat induk yang memegang tender kafetaria di kampus mendapati, kadar harga makanan di kafe UPM bagi nasi berserta ikan, dan sayur tidak melebihi RM3.50. UPM juga mengadakan pemeriksaan di semua kafe dan mendapati kebanyakan harga makanan mengikut harga ditetapkan.

Malah, dalam usaha menjaga kebajikan pelajar, UPM bersetuju menurunkan kadar peratus bayaran royalti keuntungan kepada universiti yang dikenakan terhadap syarikat induk yang memegang tender kafetaria di kampus dan secara tidak langsung syarikat itu dapat menurunkan kadar sewa premis yang dikenakan kepada pengusaha kafetaria.

Usaha ini bagi mengelak kenaikan harga makanan yang tinggi oleh pengusaha kafetaria. UPM sentiasa menjalankan pemantauan berterusan untuk memastikan pengusaha kafetaria di kampus ini tidak menaikkan harga makanan dan tindakan ini, sekali gus menafikan pengurusan universiti tidak peduli terhadap kebajikan pelajar.

Dakwaan yuran kolej kediaman semester pertama sesi 2008/2009 meningkat sebanyak RM200 tidak benar kerana UPM tidak pernah menaikkan yuran kolej kediaman atau yuran pengajian, sebaliknya jumlah itu masih sama dengan kadar yuran pada sesi pengajian 2007/2008.

ABDULLAH ARSHAD,
Ketua, Komunikasi Korporat UPM.